

02/10/2002

Pemimpin dilayan kasar bukti Amerika masih curiga

PEMERIKSAAN keselamatan keterlaluan terhadap pemimpin tertinggi negara yang ingin memasuki Amerika Syarikat adalah bukti nyata Washington masih curiga dengan Malaysia. Kerajaan walaupun sudah mengambil banyak langkah untuk membanteras keganasan, namun Amerika tetap tidak yakin dengan tindakan itu. Mereka masih sangsi dengan Malaysia dan rakyatnya, termasuk pemimpin tertinggi negara. Peristiwa yang dialami oleh Perdana Menteri dan timbalannya yang terpaksa menjalani pemeriksaan Imigresen ketat, tidak sepatutnya berlaku ke atas pemimpin tertinggi mana-mana negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, mendedahkan bagaimana beliau sendiri diberi layanan tidak sewajarnya ketika tiba di New York dalam perjalanannya ke Washington Mei lalu untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden George Bush. Pegawai keselamatan yang naik pesawat jet kerajaan Malaysia setiba di New York untuk membuat pemeriksaan dengan nada keras berkata: "Tidak siapa boleh bergerak sehingga diperiksa." Dr Mahathir berpendapat pegawai itu tidak perlu mengarahkan demikian kerana beliau bukanlah pencuri atau pengganas.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula diarahkan oleh pegawai keselamatan Amerika supaya membuka kasut dan tali pinggang di Los Angeles ketika mahu berlepas ke New York pada 15 September lalu. Pihak berkuasa Amerika sepatutnya lebih berpada-pada dan membuat pertimbangan menggunakan akal yang waras dalam melaksanakan peraturan Imigresen mereka. Pihak berkuasa keselamatan dan Imigresen sepatutnya dapat membezakan di antara pemimpin negara dan orang biasa. Adakah patut, pemimpin tertinggi negara perlu diperiksa secara keterlaluan, seolah-olah mereka turut disyaki sebagai pengganas atau boleh membawa ancaman kepada Amerika? Nampaknya pegawai Amerika ini perlu diberi kursus kesopanan kerana tidak langsung tahu bagaimana hendak menghormati pemimpin negara.

Keadaan itu berbeza sekali ketika pemimpin mereka melawat Malaysia. Pegawai keselamatan mereka bersikap kasar seolah-olah orang samseng mengenenpikan anggota pasukan keselamatan negara hingga ada kalanya menolak menteri kita sendiri kerana hendak mengawal pemimpin mereka. Tempat yang pemimpin mereka itu lawati atau lalui akan diperiksa dengan teliti hingga menyinggung pasukan keselamatan kita. Adakah pasukan keselamatan kita dibenarkan berbuat demikian jika pemimpin Malaysia melawat Amerika? Inilah sikap keangkuhan Amerika dan pegawai-pegawainya terhadap negara lain, terutama negara Islam seperti Malaysia.

Tidak cukup itu, terkini Amerika memperkenalkan pemeriksaan lebih ketat menerusi prosedur Sistem Pendaftaran Keluar Masuk Keselamatan Kebangsaan terhadap rakyat Malaysia dan beberapa warga negara lain yang memasuki negara itu. Sistem itu termasuk pendaftaran, pengambilan cap jari dan gambar individu yang tiba di pintu masuk Amerika. Prosedur itu dibuat berikutan kehendak Kongres yang mahu melaksanakan sistem masuk-keluar yang lebih teliti serta pendaftaran bagi maklumat berdasarkan ancaman pengganas semasa. Tindakan terakhir ini jelas membuktikan bahawa Amerika tetap memandang serong terhadap negara Islam dan orang Islam. Siapa yang membawa nama Islam, akan dipandang serong dan disangsikan. Amerika semakin bimbang dengan bayang-bayang sendiri dan bagaikan dilanda histeria dengan melakukan apa saja yang disangkanya boleh melindungi diri daripada ancaman musuh.

Tindakan Washington itu akan menyemarakkan lagi perasaan anti-Islam di dunia. Seluruh dunia Islam nampaknya sudah dilabel sebagai pengganas

sehingga mereka terpaksa menjalani pemeriksaan ketat, bagi memastikan mereka bukan pengganas. Bagaimanapun, Washington tidak seharusnya lupa bahawa tindakan itu juga akan menyebabkan negara dan orang Islam membenci mereka. Tindakan keterlaluan mereka sebenarnya tidak dapat menyelesaikan sebarang masalah, malah bakal menimbulkan masalah lebih besar. Jika Washington tahu menghormati orang lain, orang lain juga akan menghormati mereka.